



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"ISRAK MIKRAJ: MEMPERTEGUH SEMANGAT – MEMPERTINGKAT KEYAKINAN"

9 Februari 2024 / 28 Rejab 1445

الْحَمْدُ لِلّٰهِ¹ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِنِعْمَةِ الإِيمَانِ وَالإِسْلَامِ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ³ أَوْصِنُوكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللّٰهُ فَقَدْ فَارَ المُتَّقُونَ.

Jemaah yang dimuliakan

Bertakwalah kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya serta mengikhlaskan setiap amal. Semoga dipermudahkan perhitungan kita di Padang Mahsyar, diberatkan timbangan amal kebaikan serta dilimpahi rahmat Ilahi menjadi penghuni syurga. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk:

"ISRAK MIKRAJ: MEMPERTEGUH SEMANGAT – MEMPERTINGKAT KEYAKINAN"

Firman Allah SWT, ayat pertama surah al-Isra':

﴿سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيَلَّا مِنَ الْمَسَجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسَجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي بَرَكَنَا حَوْلَهُ وَلِرِيَةٍ وَمِنْ ءَايَتِنَا إِنَّهُ وُهُوَ أَسَمِيعُ الْبَصِيرُ﴾ (١)

Bermaksud: Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba Nya (Muhammad) pada suatu malam dari Masjidilharam (di Mekah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin) yang telah Kami berkat sekelilingnya agar Kami perlihatkan kepadanya sebahagian daripada tandatanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

¹ Memuji Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Takwa



Israk dan Mikraj ialah peristiwa yang wajib diimani oleh setiap umat Islam. Israk bermaksud perjalanan Nabi SAW dari Masjidil Haram di Mekah menuju ke Masjid al-Aqsa di Palestin. Manakala Mikraj pula ialah perjalanan Nabi SAW dari Masjid al-Aqsa menuju ke Sidratul Muntaha, menghadap Allah SWT secara langsung.

Marilah kita mengimbau beberapa perkara penting berkaitan peristiwa Israk Mikraj.

Pertama: Kewajipan menunaikan solat lima waktu; bermula daripada perintah menunaikan solat 50 waktu sehari semalam, namun berkat permohonan Rasulullah SAW, dengan ihsan dan kasih sayang Allah SWT kepada hamba Nya, dikurangkan kepada lima waktu sahaja. Lebih istimewa, Rasulullah SAW menerima perintah bersolat secara terus dari Allah SWT tanpa perantara Malaikat Jibrail AS.

Kedua: Sebelum berlakunya peristiwa Israk Mikraj, Baginda SAW menghadapi pelbagai ujian dan berada dalam kesedihan, kerana dihalau dan dicederakan oleh penduduk Taif, kematian bapa saudara Baginda, Abu Thalib, begitu juga kematian isteri tercinta, Siti Khadijah yang merupakan penyokong kuat kegiatan Baginda berdakwah mengembangkan Islam. Israk Mikraj dihadiahkan bagi mengubati kedukaan serta mengukuhkan semangat juang Baginda SAW.

Ketiga: Masjid al-Aqsa di bumi Palestin, tempat persinggahan Rasulullah SAW sebelum diangkat ke Sidratul Muntaha, merupakan salah satu daripada tanah suci umat Islam. Masjid al-Aqsa ialah kiblat pertama umat Islam sebelum beralih ke Kaabah di Mekah. Negara Palestin merupakan bumi yang ramai diutus para anbia' dan rasul. Pada malam Israk dan Mikraj, Rasulullah SAW berkesempatan mengimamkan solat bersama para rasul dan nabi.

Keempat: Peristiwa Israk dan Mikraj berlaku dalam keadaan luar biasa. Kebiasaannya ketika itu, perjalanan dari Mekah ke Baitul Maqdis mengambil masa dua bulan, tetapi Baginda SAW mengambil masa hanya satu malam. Baginda SAW telah dipersiapkan seekor haiwan dikenali 'Buraq', sebagai kenderaan istimewa yang bergerak sepanas kelajuan cahaya.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Peristiwa Israk Mikraj telah mengilhamkan ahli-ahli sains untuk melakukan kajian serta berusaha untuk membuktikan secara ilmiah bahawa peristiwa tersebut dapat dijadikan sumber pengajaran untuk menemui pelbagai kemungkinan. Ilmu sains masih meneroka



pembuktian baharu bagaimana peristiwa perjalanan Israk dan Mikraj boleh berlaku dengan begitu pantas, sedangkan, jarak antara Mekah ke Baitul Maqdis melebihi 1700 kilometer, belum termasuk perjalanan Baginda SAW dari Masjid al-Aqsa meniti tingkat-tingkat langit sehingga ke Sidratul Muntaha yang tiada siapa tahu betapa jauh jaraknya. Baginda SAW telah melakukan perjalanan yang sangat jauh dalam tempoh yang sangat singkat, peristiwa yang sangat luar biasa lagi menakjubkan.

Pada tahun 1905, ahli-ahli sains telah menemui teori fizik, yang menghubungkaitkan antara masa dengan kelajuan. Jika sesuatu objek bergerak sangat pantas seakan halaju cahaya, masa seakan-akan terhenti, atau hanya melalui satu tempoh masa yang singkat. Teori ini sering kali dikaitkan dengan peristiwa Israk dan Mikraj.

Daripada pelbagai kajian sains dan teknologi yang diterokai, antaranya telah berjaya menghasilkan pelbagai kenderaan yang berupaya bergerak pantas sama ada di darat, di laut dan di udara, yang membolehkan manusia hari ini lebih cepat dapat sampai ke destinasi perjalanan. Dengan izin Ilahi, manusia turut berjaya menghasilkan kapal menerokai angkasa hingga dapat mendarat di bulan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Peristiwa Israk Mikraj merupakan mukjizat teragung. Mukjizat ialah jawapan tuntas kepada perkara-perkara aneh yang berlaku kepada para rasul dan nabi. Mukjizat bermaksud suatu kelebihan yang dikurniakan oleh Allah SWT hanya untuk para utusan Nya agar dapat dijadikan bukti kerasulan mereka. Firman Allah SWT, surah ar-Ra'd, potongan ayat 38 bermaksud:

"Dan tidak ada hak bagi seorang Rasul mendatangkan sesuatu ayat (mukjizat)
melainkan dengan izin Alah.

Mukjizat ialah jawapan kepada peristiwa-peristiwa ajaib yang terjadi kepada para rasul dan nabi dan berada di luar keupayaan logika pemikiran manusia sebagai bukti kebesaran Allah SWT, juga sebagai peringatan kepada manusia bahawa tiada siapa yang dapat menandingi kekuasaan Nya. Selain itu, ia menjadi bukti bahawa para rasul dan nabi merupakan insan istimewa, dipilih oleh Allah SWT untuk dipertanggungjawabkan membawa syariat Nya.



Hadirin yang dirahmati Allah,

Mimbar menarik perhatian jemaah kepada perkara-perkara berikut;

Pertama: Peristiwa Israk Mikraj mempertemukan Rasulullah SAW dengan para rasul terdahulu di setiap tingkat langit dan puncaknya berpeluang menghadap secara langsung di hadapan Rabbuljalil. Peristiwa tersebut menjadi penawar mengubati kedukaan yang dialami oleh Rasulullah SAW, di samping memperkuuhkan semangat juang Baginda.

Kedua: Perintah mendirikan solat datang secara langsung daripada Allah SWT kepada Rasulullah SAW. Menunaikan solat ialah tanggungjawab yang wajib dipenuhi mengikut waktu yang ditetapkan, hendaklah diutamakan, didahulukan daripada pekerjaan lain apabila kedengaran seruan azan, tidak boleh diabaikan, tidak boleh ditangguhkan dan tidak boleh diringankan.

Ketiga: Ketika menghadapi cabaran dan ujian yang berat, berserahlah diri kepada Allah SWT, bahawa rintihan dan aduan seorang insan yang lemah itu, jika disampaikan secara ikhlas dan yakin, akan didengari oleh Allah SWT. Sedarlah! manusia diciptakan bersifat kerdil dan lemah. Allah SWT sahaja yang Maha Berkuasa ke atas sesuatu, jika Dia menginginkannya berlaku sepertimana yang disebutkan di dalam Surah Yasin ayat 82 bermaksud;

سُبْحَانَ رَبِّكَ الْعَظِيمِ إِنَّمَا تَنْهَىٰ عَنِ الْمُحْكَمِ
وَتَقْبَلُ مِنْكُمْ مِّنْ حَمْدِهِ وَلَا يَرَىٰ مَنْ يَخْلُقُ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمُ الْأَوْيَانُ وَلِلْأَوْمَانِ
وَالْأَمْوَاتِ فَإِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Sesungguhnya keadaan kekuasaan Nya apabila Dia menghendaki sesuatu,

Dia hanya berfirman kepadanya, "Jadilah!". Maka, jadilah sesuatu itu.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقْبَلَ مِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمُ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا دَائِمًا أَبَدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ، وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِيَّتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْأَعَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁵

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁶، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْأَفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ⁷.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتَنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Bimbing kami untuk sentiasa istiqamah melakukan amal soleh serta mempertingkat amal kebaikan terutama semakin menghampiri Ramadan al-Mubarak.

Ya Mukmin! Ya Muhammin! Masjid Al-Aqsa ialah tanah suci umat Islam dan bumi Palestin merupakan bumi diutus begitu ramai rasul dan anbia. Sempena peristiwa

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Israk Mikraj kami pohonkan doa semoga Engkau memberikan sebesar-besarnya perlindungan kepada bumi Palestin khususnya Masjid al-Aqsa daripada menjadi mangsa kezaliman.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَإِذْ كُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمُ يَذْكُرُهُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّهُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيهِمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Kepada Imam / Khatib bertugas yang dikasihi:

Mohon membuat hebahan makumat berikut:

“Para Jemaah yang dihormati, untuk makluman bermula Januari 2024, tiada lagi bil cukai tanah / petak akan dikeluarkan secara fizikal. Pemilik hartanah di negeri Perak boleh menyemak, mencetak bil dan seterusnya membuat bayaran secara atas talian melalui Portal Awam e-Tanah. Portal Awam ini turut menyediakan kemudahan melaksanakan sepenuhnya urusan Kebenaran Pindah Milik (MB Consent), Carian Rasmi, Carian Persendirian dan Salinan Hakmilik secara atas talian. Justeru, tuan-tuan amatlah dialu-alukan untuk mendaftar sebagai pengguna di Portal Awam e-Tanah Perak bagi memudahkan pelbagai urusan berkaitan hartanah di Negeri Perak dapat dilakukan termasuklah bagi tujuan pembayaran bil cukai tanah / petak.” Terima kasih.